

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : MESYUARAT AGUNG BAKTI YANG KE-8
Lokasi : SRI PERDANA, KUALA LUMPUR
Tarikh : 17-07-1985

Terima kasih sekali lagi atas kehadiran puan-puan pada petang ini. Saya tidak berhajat untuk berucap dengan panjang lebar, cuma yang saya ingin sentuh di sini ialah mengenai aktiviti-aktiviti utama bagi sesi 1984/85 yang lepas iaitu:

i. Kursus wajib di INTAN ii. Projek Walkathon yang menghasilkan wang kutipan.

iii. Pelancaran Dermasiswa BAKTI iv. Pertandingan Badminton Piala Pusingan Toh Puan Suhailah dan v. Penyampaian Bungkus Hariraya Aidilfitri 1985.

2. Saya berasa bangga atas penglibatan ahli-ahli BAKTI dalam aktiviti-aktiviti tersebut dan saya ingin menggalakkan supaya lebih ramai lagi tampil ke hadapan dalam sesuatu aktiviti. Dalam kegiatan sukan dan kebudayaan umpamanya, didapati hanya segolongan kecil sahaja yang mengambil bahagian walhal saya percaya ramai yang berbakat dalam satu-satu jenis sukan atau kegiatan kebudayaan. Mesyuarat ini akan mengesyorkan supaya setiap ahli BAKTI sama ada ahli biasa atau ahli bersekutu mengambil bahagian sekurang-kurangnya dalam satu jenis sukan dan satu kegiatan kebudayaan yang disukai. Saya berharap ahli-ahli BAKTI akan bersetuju dan seterusnya menyambut baik syor ini.

3. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini sekali lagi untuk memperingatkan kembali ahli-ahli BAKTI sekalian mengenai panggilan atau sebutan-sebutan terhadap isteri pemimpin-pemimpin peringkat negeri khususnya dan ahli-ahli lain amnya. BAKTI kerap kali dicap sebagai 'orang atasan' yang tidak mahu bercampur-gaul, memberi senyuman atau berjabat tangan dengan orang-orang lain. Sebagai ahli BAKTI, kita tidak boleh memilih golongan mana yang perlu kita rapat atau sebaliknya. We have no choice as politicians wives but to be courteous and generous to everybody and this is extremely important not only for our sake but also for the sake of our husbands. We have a definite role to play as wives in the home as well as in public. To equip ourselves with knowledge and experience, participation in BAKTI activities, courses and seminars, and in activities arranged by other organisations, are essential.

4. Untuk menjalin kemesraan antara wanita, BAKTI seberapa boleh akan mengaturkan lawatan ke negeri-negeri dan juga menerima lawatan badan-badan wanita yang ingin bermesra dengan ahli-ahli BAKTI di Kuala Lumpur. Sikap muhibah dan perpaduan perlu dipupuk antara BAKTI dengan lain-lain badan wanita dan saya yakin dengan cara ini, nama BAKTI tidak akan tercemar daripada dikenali sebagai 'exclusive club' isteri orang-orang atasan atau lain-lain panggilan.

5. Saya juga ingin mencadangkan supaya BAKTI menganjurkan satu seminar pada bulan Oktober ini mengenai 'Pendidikan Mencegah Penyalah-gunaan Dadah -- Education for the Prevention of Drug Abuse'. Saya berharap semua ahli BAKTI akan dapat memberi sokongan sepenuhnya dan melibatkan diri dalam seminar tersebut.

6. Bagi mengakhiri ucapan pendahuluan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Ahli-Ahli Jawatankuasa Tadbir 1984/85 atas bantuan, kerjasama serta kegigihan mereka sepanjang sesi 1984/85. Tidak lupa juga saya ingin mengucapkan terima kasih kepada setiap Pengerusi dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Kecil yang turut sama melaksanakan tanggungjawab masing-masing dengan memuaskan. Tanpa usaha gigih mereka, saya percaya tugas saya sebagai Yang Di-Pertua tentulah menjadi berat.

7. Saya berharap saudari-saudari sekalian akan memilih Jawatankuasa Tadbir sesi 1985/86 dengan bijak dan memberi cadangan-cadangan yang baru untuk faedah bersama. Sekian dulu ucapan saya.